

GARIS PANDUAN PAGAR PERLINDUNGAN SEMENTARA (PAPAN DENDENG) TAPAK PEMBINAAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR



JABATAN KAWALAN BANGUNAN
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

November
2020

1.0 PENDAHULUAN

Garis panduan ini disediakan untuk binaan Pagar Perlindungan Sementara (Papan Dendeng) yang lebih kemas dan selamat bagi setiap pembinaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

2.0 OBJEKTIF

Mewujudkan piawaian dan tatacara Pagar Perlindungan Sementara (Papan Dendeng) bagi tapak pembinaan dan kerja-kerja meroboh di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

3.0 SKOP GARIS PANDUAN

Garis Panduan Pagar Perlindungan Sementara (Papan Dendeng) ini digunapakai bagi semua tapak pembinaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja.

4.0 PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG.

4.0.1 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), Seksyen 82 (1) tiada seorang pun yang bercadang hendak membina atau meruntuhkan sesuatu bangunan atau mengubah atau membaiki bahagian luar sesuatu bangunan boleh berbuat demikian tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan dan tanpa menyebabkan papan dendeng atau pagar yang cukup dipasang untuk mengasingkan bangunan di mana kerja itu sedang dijalankan dari mana-mana jalan atau siar kaki.

4.0.2 Undang-undang Kecil Bangunan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1985 Peruntukan 46 (2) menyatakan keperluan untuk mendirikan Pagar Perlindungan Sementara (Papan Dendeng) Tapak Pembinaan sebelum sesuatu pembinaan dimulakan.

4.0.3 Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan di Tapak Bina (2007), Perkara 11, tapak bina hendaklah dilindungi sepenuhnya dengan pagar perlindungan bagi melindungi orang awam. Pagar perlindungan bukan sahaja hendaklah mampu melindungi orang awam dari bahaya tapak bina malah hendaklah bertindak sebagai penghadang daripada tapak bina dicerobohi.

5.0 GARIS PANDUAN PEMBINAAN PAPAN PERLINDUNGAN SEMENTARA (PAPAN DENDENG) TAPAK PEMBINAAN

Berikut adalah syarat-syarat untuk Pagar Perlindungan Sementara (Papan Dendeng) Tapak Pembinaan:

5.1 Arahan Am

- i. Pembinaan sesuatu bangunan tidak boleh dimulakan sehingga Pagar Perlindungan Sementara (Papan Dendeng) didirikan untuk mengasingkan kawasan tapak bina.
- ii. Pagar Perlindungan Sementara (Papan Dendeng) hendaklah dibina sepenuhnya di sekeliling dan menutupi seluruh kawasan tapak bina.
- iii. Pagar Perlindungan Sementara (Papan dendeng) hendaklah dibina dalam sempadan lot sahaja.
- iv. Pagar Perlindungan Sementara (Papan dendeng) hendaklah diselenggara dengan baik sepanjang tempoh pembinaan.
- v. Pagar Perlindungan Sementara (Papan dendeng) hendaklah tidak menghalang pili bomba dan alat perkhidmatan kemudahan lain yang sedia ada.
- vi. Kain kanvas atau plastik hendaklah direntang sekiranya Pagar Perlindungan Sementara (Papan dendeng) dibuka sementara.
- vii. Kerja-kerja seperti membina 'sheetpile', longkang tepi dan sebagainya yang perlu dijalankan tanpa pagar perlindungan sementara (pagar dendeng) hendaklah

dililitkan dengan pita amaran dengan jarak 1.0m dari kawasan kerja. Kawasan tanpa pagar perlindungan sementara (papan dendeng) hendaklah sentiasa diawasi oleh seorang pengawal untuk menghalang orang-orang awam daripada mencero bohi ke dalam tapak pembinaan. Pagar perlindungan sementara (papan dendeng) hendaklah dibina semula sebaik sahaja kerja-kerja tersebut siap dijalankan.


- viii. Bagi kerja-kerja meroboh, Pagar Perlindungan Sementara (Papan dendeng) hendaklah dipasang selepas mendapat surat kebenaran bertulis dari Jabatan Kawalan Bangunan.

5.2 Spesifikasi Pagar Perlindungan Sementara (Papan Dendeng)

- i. Bagi tapak pembinaan dalam pusat bandar, ukuran tinggi minimum pagar keselamatan adalah 3600mm.
- ii. Bahan bagi Pagar Perlindungan Sementara (Papan Dendeng) hendaklah terdiri dari 'metal decking' atau bahan yang setara dan mempunyai gauge minimum 3 (tebal approx. 1.0mm).
- iii. Rangka struktur untuk Pagar Perlindungan Sementara (Papan Dendeng) hendaklah disahkan oleh Jurutera Bertauliah.
- iv. Bahagian yang mudah dilalui atau menjadi laluan orang ramai hendaklah dilengkapi dengan 'hood' menutupi laluan pejalan kaki dan dilengkapi dengan lampu.
- v. Papan dendeng hendaklah dilengkapi dengan tanda arah dan amaran bagi tujuan memudahkan pejalan kaki.
- vi. Saiz papan dendeng yang dicadangkan ialah dengan minima ketinggian 3600mm atau 12 kaki.
- vii. Penggunaan "Corrugated Metal Deck" sebagai dinding paparan tidak dibenarkan.
- viii. Dinding paparan hendaklah dari jenis permukaan rata (flat panel surface).

5.3 Reka Bentuk Papan Perlindungan Sementara

- i. Pagar Perlindungan Sementara (Papan Dendeng) hendaklah direkabentuk secara kreatif dengan berkonsepkan Bandar Raya Di Dalam Taman /“City In A Garden”.
- ii. Bagi papan dendeng yang berhadapan dengan jalan utama, pemaju **diwajibkan** untuk menghiasi pagar dan pintu masuk dengan ilustrasi yang menarik. Ilustrasi terdiri daripada iklan pemaju berkenaan pembangunan tersebut sahaja. Iklan yang bersifat komersil yang tidak berkenaan dengan pembangunan tersebut adalah dibenarkan dengan syarat memperolehi lesen pengiklanan daripada Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan (JPPP).
- iii. Papan Perlindungan Sementara (Papan dendeng) boleh dihiasi dengan gambar/paparan yang direkabentuk secara grafik yang menggunakan gambaran sebenar pokok-pokok tropika samada secara digital atau secara lukisan tangan (mural).
- iv. Penggunaan elemen sebenar seperti menanam pokok menjalar (creepers), membina dinding dari batu kerikil di antara papan dendeng atau menggunakan bahan-bahan yang bersesuaian mengikut konsep pembangunan dibenarkan.
- v. Gambar yang menunjukkan ruang dalaman, fasad luaran, konsep pembangunan boleh diselang seli dan diintegrasikan bersama paparan yang mematuhi garis panduan papan dendeng ini.
- vi. Warna Pagar Perlindungan Sementara (Papan dendeng) yang dibenarkan adalah berwarna hijau sahaja.





LAKARAN TAMPAK HADAPAN PAGAR PERLINDUNGAN SEMENTARA (PAPAN DENDENG) TAPAK PEMBINAAN YANG BERHADAPAN DENGAN JALAN UTAMA

PANDUAN PENDIRIAN PAPAN DENDENG

- Warna yang dibenarkan adalah berwarna hijau.
 - Kod warna (Microsoft Word) adalah seperti berikut :-
- | | |
|---------|-----|
| ○ Merah | :40 |
| ○ Biru | :60 |
| ○ Hijau | :72 |





*Hood Cladding Untuk Pagar Keselamatan Yang Menghadapi Laluan Orang Ramai




PELAN PAGAR KESELAMATAN

KERATAN SISI




TAMPAK HADAPAN

KERATAN A-A




Contoh 1: Lakaran pagar perlindungan sementara (papan dendeng) bagi yang mempunyai laluan pejalan kaki di sekitar kawasan tapak bina.




Contoh 2: Lakaran pagar perlindungan sementara (papan dendeng) bagi yang mempunyai tempat letak kereta di sekitar kawasan tapak bina.

Pagar perlindungan sementara yang mempunyai ilustrasi



Contoh 3: Lakaran Pagar Perlindungan Sementara untuk tapak pembinaan yang mengadap jalan utama

6.0 GARIS PANDUAN PEMBINAAN PAPAN DENDENG / PENGHADANG UNTUK KERJA TAMBAHAN DAN PERUBAHAN PADA RUMAH TERES / BERKEMBAR DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR



- i. Papan dendeng/ penghadang hendaklah dibina sepenuhnya dalam lot sendiri pada kedua-dua belah sisi yang bersempadan dengan jiran untuk melindungi kawasan pembinaan.
- ii. Papan dendeng/ penghadang hendaklah dibina sepenuhnya pada tingkat bawah dan 600mm lebih tinggi daripada paras pembinaan pada tingkat-tingkat atas.
- iii. Bahan yang dibenarkan ialah “metal decking” untuk tingkat bawah dan kain kanvas atau plastik di tingkat-tingkat atas.
 - a. “Metal decking” atau bahan yang setara hendaklah mempunyai “gauge minima 1.0 mm. Rangka struktur hendaklah disahkan oleh Jurutera Bertauliah.

- b. Kain kanvas atau plastik hendaklah direntangkan dengan kukuh supaya tidak menjadi halangan dan mencerobohi lot jiran.
- iv. Papan dendeng/ penghadang hendaklah dirobohkan apabila kerja-kerja pembinaan ditapak telah sempurna didirikan.
- v. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang tuntutan dan pampasan akibat dari kerja-kerja pembinaan tersebut.

7.0 FI YANG DIKENAKAN

Tiada fi berbayar yang dikenakan terhadap perkara ini dan adalah menjadi tanggungjawab orang utama yang mengemukakan permohonan (PSP) untuk memastikan Pagar Perlindungan Sementara (Papan dendeng) dibina mengikut garis panduan yang ditetapkan.

8.0 RUMUSAN

8.0.1 Pagar Perlindungan Sementara (Papan dendeng) boleh didirikan berpandukan syarat dan kehendak yang telah dinyatakan didalam garis panduan ini tanpa perlu mengemukakan permohonan rasmi ke Jabatan Kawalan Bangunan.

8.0.2 Penambahbaikan garis panduan ini akan dibuat dari semasa ke semasa bagi memantapkan keperluan dan kehendak-kehendak sedia ada.


9.0 RUJUKAN

9.0.1 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)

9.0.2 Undang-undang Kecil Bangunan WPKL 1985

9.0.3 Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan di Tapak Bina (2007),

LAMPIRAN



Contoh lakaran pada pagar perlindungan sementara (papan dendeng).

Contoh lakaran Mural pada Pagar Perlindungan Sementara (Papan Dendeng)



Contoh pagar perlindungan sementara di Harwich Essex, England.



Contoh pagar perlindungan sementara di Park Meadows Mall, Colorado US.



Contoh Pagar Perlindungan Sementara di bangunan CapitaSpring, Singapura



Contoh Pagar Perlindungan Sementara di bangunan Lewisham Station, London.



Contoh Pagar Perlindungan Sementara di bangunan Lewishan Station, London.

Contoh Lakaran Pagar Perlindungan Sementara bersifat komersil



Contoh Pagar Perlindungan Sementara di bangunan Lewishan, London.



Contoh Pagar Perlindungan Sementara di UK.



Contoh Pagar Perlindungan Sementara di bangunan King Cross, London.